

Pengaruh Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet Terhadap Perubahan Tingkah Laku Kesihatan

Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi*
Jusang Bolong
Md.Salleh Hassan
Nizam Osman

Universiti Putra Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding email: izyandiyana@usm.edu.my

Abstrak

Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah banyak membantu masyarakat mendapatkan pelbagai jenis maklumat kesihatan melalui medium internet. Terdapat pelbagai jenis laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan, seperti blog, laman sosial, jurnal perubatan dan sebagainya. Maklumat yang disediakan bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah berkenaan kesihatan, malah mungkin akan mengubah tingkahlaku kesihatan. Kajian ini mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pencarian maklumat kesihatan dan perubahan tingkahlaku kesihatan dalam kalangan 400 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mencari maklumat kesihatan melalui internet. Hasil kajian mendapati, faktor maklumat menyumbang 2.2% varians terhadap pencarian maklumat kesihatan. Ini bermakna faktor maklumat merupakan peramal utama yang menyebabkan ibu bapa mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Faktor maklumat, faktor matlamat, faktor konteks, faktor teknologi dan faktor komunikator juga mempengaruhi secara signifikan terhadap perubahan tingkahlaku kesihatan dalam kalangan ibu bapa.

Kata Kunci: Kesihatan, Pencarian maklumat kesihatan; Tingkahlaku kesihatan; Internet.